

TARIKH : 12 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8

Atasi segera isu kekurangan bekalan

# Atasi segera isu kekurangan bekalan

Usaha pastikan jaminan makanan tidak terjejas, selesai masalah kenaikan harga

Oleh Suraya Ali  
suraya.ali@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu menangani segera isu kekurangan bekalan dan kenaikan harga makanan dalam pasaran tempatan bagi memastikan jaminan makanan untuk seluruh rakyat tidak terjejas.

Felo penyelidik kanan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, Dr Shankaran Nambiar, berkata sekiranya harga jualan dalam pasaran tempatan terlalu rendah, pengeluar akan mengurangkan pengeluaran mereka atau mungkin mendapati ia lebih menguntungkan untuk menghasilkan produk untuk eksport.

"Kedua-dua tindakan ini akan mengakibatkan kekurangan bekalan dalam pasaran tempatan, selain akan ada peniaga yang akan membeli produk itu di pas-

aran tempatan (di mana terdapat kawalan harga) serta menjualnya ke luar negara pada harga lebih tinggi dan masalah penyeludupan mula berleluasa," katanya.

Beliau berkata, isu bekalan dan harga barangan adalah masalah yang sukar bagi kerajaan.

"Kerajaan tidak boleh membenarkan harga ditetapkan oleh pasaran kerana ia di luar jangkauan rakyat.

"Apa yang kerajaan patut lakukan ialah menggalakkan lebih banyak pengeluaran sayur-sayuran, ayam, telur di kampung oleh rakyat. Hasil tanaman dan ternakan ini boleh dikutip oleh koperasi dan kemudian dijual semula di pasaran tempatan.

"Sebagai contoh, kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada penternak ayam berskala besar untuk bekalan telur kita, adalah menghairankan apabila negara adalah pengeluar minyak sawit global, namun harga minyak masak tetap meningkat. Kita perlu menyasat bagaimana perkara ini berlaku," katanya.

Beliau juga bersetuju dengan kenyataan Presiden Persekutuan Persatuan Peniaga Barang Runcit Malaysia, Hong Chee Meng yang sebelum ini meminta kerajaan supaya menilai semula mekanisme kawalan harga yang sudah ke-

tinggalan zaman.

Chee Meng dilaporkan berkata, tindakan mengawal harga barang itu menyebabkan barangan kawalan seperti telur, gula putih, minyak masak dalam paket dan tepung sering mengalami masalah kekurangan dalam pasaran.

Nambiar berkata, apabila harga dikawal akan berlaku herotan atau gangguan dalam pasaran.

"Usahawan dan syarikat besar kemudiannya akan mengambil tindakan yang akan menjadikan kawalan harga oleh kerajaan tidak berkesan," katanya.

## Bukan isu tidak terkawal

Sementara itu, Pensyarah Keusahawanan Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Abd Rahman Jaafar, berkata isu itu bukanlah tidak terkawal tetapi ia tidak dikawal.

"Ada kebaikan dan keburukan mengawal harga barangan. Untuk barangan bukan keperluan tiada masalah, harga ikut permintaan dan bekalan. Tetapi untuk barang keperluan perlu ada mekanisme kawalan yang munasabah.

"Apa pun mekanisme yang digunakan, kerajaan harus memastikan pihak peniaga dan pengeluar tidak rugi atau kerajaan perlu tanggung subsidi. Begitu juga pemantauan rapi terhadap harga barangan keperluan tetap perlu

"Apa yang kerajaan patut lakukan ialah menggalakkan lebih banyak pengeluaran sayur-sayuran, ayam, telur di kampung oleh rakyat. Hasil tanaman dan ternakan ini boleh dikutip oleh koperasi dan kemudian dijual semula di pasaran tempatan"

Shankaran Nambiar, Felo penyelidik kanan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia



dibuat," katanya.

Beliau juga berpendapat, terdapat beberapa faktor menjadi punca harga barangan tidak terkawal antaranya kartel yang mengawal harga, barangan perlu diimport, nilai mata wang negara yang menurun serta faktor luaran dan luar kawalan seperti bencana alam, cuaca, geopolitik seperti perang di negara pengeluar.

"Pengeluar sememangnya akan mengejar keuntungan paling maksima, tetapi peranan kerajaan adalah untuk mengimbangi harga pasaran dengan keperluan rakyat.

"Cara terbaik untuk mengimbangi kedua ini dengan meningkatkan kuasa beli rakyat melebihi kadar inflasi," katanya.